

08/03/2001

Dr M tidak sokong mana-mana calon

Azman Mahmood

KOTA BHARU, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sedih dan kurang menyenangi sikap segelintir ahli Umno yang menggunakan namanya bagi mendapatkan sokongan dan mencari pengaruh untuk bertanding menjelang pemilihan parti April ini.

Malah, Presiden Umno itu tidak terbabit sama sekali dengan dakwaan sesetengah ahli parti yang menyatakan beliau menyokong calon tertentu untuk bertanding.

Setiausaha Politiknya, Datuk Dusuki Ahmad, berkata tindakan pihak terbabit yang menggunakan nama Presiden parti jelas tidak bertanggungjawab dan bertujuan mencari sokongan dan kepentingan peribadi semata-mata.

Katanya, ahli parti yang mahu bertanding sepatutnya mengikut etika pertandingan tanpa menggunakan nama pemimpin, termasuk nama Perdana Menteri bagi meraih sokongan.

"Sebagai parti yang mengamalkan demokrasi, setiap ahli yang menawarkan diri untuk bertanding perlu menyerahkan kepada kebijaksanaan perwakilan dalam menentukan tokoh yang layak dipilih sebagai pemimpin.

"Dalam hal ini (pertandingan), Dr Mahathir tidak terbabit dengan mana-mana pihak yang menawarkan diri untuk bertanding, malah beliau memang kurang senang dengan ahli yang menggunakan namanya... seolah-oleh beliau merestui calon tertentu untuk bertanding," katanya kepada Berita Harian di sini, hari ini.

Baru-baru ini, Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata calon yang ingin bertanding dalam pemilihan Umno bahagian bulan depan turut diingatkan supaya tidak menggunakan nama pemimpin tertinggi parti ketika berkempen.

Beliau memberi peringatan itu berikutan ada ahli Umno mendakwa mereka mendapat restu pemimpin tertentu untuk bertanding.

Dusuki berkata, perbuatan itu sebenarnya tidak menguntungkan mana-mana pihak malah hanya merugikan parti selain mencemarkan nama Presiden parti.

Sebelum keadaan menjadi lebih buruk dengan masing-masing mahu mendakwa direstui Dr Mahathir untuk bertanding, beliau menasihatkan mereka terbabit supaya segera menghentikan perbuatan itu.

"Ahli Umno perlu sedar perbuatan menggunakan nama Perdana Menteri boleh mencemarkan nama beliau sedangkan Dr Mahathir tidak terbabit langsung dengan mana-mana pertandingan merebut jawatan menjelang pemilihan parti bulan depan.

"Sebenarnya, mereka yang menggunakan nama pemimpin tertinggi di peringkat Pusat tidak layak dipilih untuk menjadi pemimpin," katanya.

Ditanya sama ada Perdana Menteri sedar namanya digunakan untuk tujuan itu, Dusuki berkata, presiden parti menyedarinya dan mereka terbabit perlu menghentikan segera perbuatan yang dianggap tidak bertanggungjawab itu.

Jika dilihat cara menggunakan nama pemimpin untuk bertanding, katanya, adalah jelas mereka terbabit tidak mempunyai keyakinan diri dan kewibawaan untuk menerajui parti kecuali mahu mencari tempat dan jawatan dalam Umno.

(END)